

## Produk berasaskan serat semula jadi buka peluang perniagaan



Penggunaan serat dari sumber tanaman kenaf dalam industri tekstil bermula dari penghasilan benang kepada tenunan kain.

### PENDAPAT Rakyat

**PERTANIAN** adalah sektor penting dalam ekosistem dunia semasa. Sektor pertanian antara penyumbang kepada ekonomi sesebuah negara. Perkembangan sektor ini memberikan faedah kepada keseluruhan ekosistem sama ada kepada manusia atau alam semula jadi.

Menepati hasrat dalam agenda Matlamat Pembangunan Mampan (SDG 2030), sektor ini dapat membantu memastikan kriteria tertentu dapat dicapai. Hal ini turut dipacu dan dipandu oleh teknologi dan kemajuan dunia semasa.

Inovasi dan kreativiti dalam sektor ini juga dapat menjamin kelestarian alam sekitar supaya kekal utuh. Malah, ia dapat memberi manfaat potensi dalam perniagaan antaranya sebagai bahan dalam penghasilan produk.

Secara umumnya, terdapat pelbagai jenis sisa bahan buangan pertanian yang berpotensi sebagai bahan alternatif pembangunan produk.

Kebiasaannya, sisa bahan buangan

berbentuk serat atau gentian digunakan dan digabungkan dengan bahan lain bagi menghasilkan produk.

Di Malaysia, kepelbagaian tanaman diusahakan memberi potensi dalam penghasilan produk berasaskan serat semula jadi antaranya adalah tanaman kenaf, kelapa, nanas, kelapa sawit, pisang, buluh, jagung dan pokok kayu.

Sebagai contoh, penggunaan serat dari sumber tanaman nanas dan kenaf dalam industri tekstil, bermula dari penghasilan benang kepada tenunan kain.

Pembangunan produk melalui penggunaan serat semula jadi dapat meningkatkan nilai tambah hasil pertanian melalui potensi perniagaan dan pemasaran pelbagai produk. Ia juga dapat menyuntik minat terhadap bidang pertanian, peningkatan ekonomi dan jana pendapatan.

*\* Profesor Madya Ts Dr Ahmad Mubarak Tajul Arifin ialah Penyelidik Utama Pusat Penyelidikan Pencegahan dan Kebolehpercayaan Kegagalan Mekanikal (MPROVE) Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*